

# Jenis tanah bantu kesuburan pokok

---

**SENI TAMAN**

*bersama*

**Abdul Rahim Rashid  
(Pakar Hortikultur UPM)**

**S**ELALU saya mendengar rungutan pembeli rumah baru mengenai keadaan tanah yang teruk seperti terlalu keras, padat dan mampat, masam, air bertakung, saluran tidak sempurna serta bermacam lagi.

Memang benar, keadaan sebegini berlaku kerana tanah di tapak taman perumahan bukan tanah asal, tetapi ditambak, mungkin setengah hingga satu meter tebal. Dari mana tanah tambak itu datang, jenis apa, tiada siapa yang tahu.

Adalah juga benar tanah yang ditambak jauh daripada sesuai untuk disebut sebagai garden soil yang peroi, gembur dan rongga. Tanah taman (garden soil) terbahagi kepada beberapa jenis yang boleh membantu akar pokok menengok dengan teguh, menyerap air serta zat makanan pokok untuk tumbesaran dan pertumbuhan yang sempurna.

Tanah mempunyai pelbagai warna dan dengannya kita dapat mengetahui sedikit sebanyak kan-

**Tanah mempunyai  
pelbagai warna  
dan dengannya kita  
dapat mengetahui  
sedikit sebanyak  
kandungannya,  
seperti hitam ia  
mempunyai  
banyak humas  
dan putih pula  
mempunyai  
tanah liat**

dungannya, seperti jika hitam ia mempunyai banyak humas dan putih pula mempunyai tanah liat (clay).

Berdasarkan pengalaman, saya dapati apa pun jenis tanah yang ada di tapak taman, ia boleh dibaiki gemburannya supaya pokok dapat hidup dengan sihat dan segar.

Pokok taman sukakan tanah yang gembur, peroi dan rongga. Ia dapat membantu akar menjalar di dalam, selain ia dapat memberi saluran yang baik, tidak bertakung dan pengudaraan yang sempurna kerana akar bernafas.

**Asas tanah taman boleh dibahagi kepada tiga:**

1. Tanah berpasir (sandy soil): Mempunyai butiran yang besar dan kandungan pasir yang tinggi. Selalu kelihatan kering dan mempunyai pengudaraan yang baik serta mudah untuk penanaman. Tanah berpasir selalu disebut sebagai tanah ringan (light soil).

2. Tanah liat (clay soil): Berbutir kecil dan halus serta mempunyai penyerapan air yang baik, sebaliknya pengudaraan dan saluran tidak begitu sempurna. Selalunya, tanah liat adalah padat, mampat dan berat. Sukar untuk melakukan penanaman dan terpaksa dilakukan ubah suai sebelum pokok ditanam.

3. Tanah lom sederhana (loam soil):

Tanah taman mempunyai pelbagai gemburan (texture) daripada



**TANAH** yang sesuai memastikan pertumbuhan dan tumbesaran pokok seperti diharapkan. Gambar menunjukkan tiga jenis pokok puding tanah sesuai

jenis yang mempunyai tanah liat yang tinggi kepada yang berpasir. Tanah lom adalah jenis tanah pertengahan. Ia mempunyai campuran berbutir kasar dan halus. Tanah lom selalu disebut sebagai tanah atas (top soil) dan mempunyai jenis yang berpasir atau liat.

Jenis tanah dapat dikenali dengan dirasa menggunakan jari apabila ia lembap.

● Tanah berpasir – tidak melekit, kasar, berbutir (coarse and gritty)

● Lom berpasir – melekit dan rongga, berbutir

● Lom sederhana – melekit, rongga tidak berbutir

● Lom liat – melekit, sederhana rongga

● Tanah liat – terlampau melekit

Pembangunan pesat di bandar banyak memusnahkan bahagian atas tanah. Yang ada diratakan atau pun dialih ke tempat lain. Apa yang tinggal hanyalah tanah bawah (subsoil) yang mempunyai tekstur tanah yang tidak sempurna untuk pokok.

Pada masa ini ada kontraktor yang menjual kononnya tanah atas yang banyak menimbulkan keraguan dan dengan harga mahal.

Untuk mengatasi keadaan yang mana ada orang yang mengambil kesempatan, pengguna dinasihatkan berhati-hati sewaktu membeli tanah ini.

**Minggu depan saya akan menceritakan cara untuk memperbaiki tekstur tanah sebelum menanam pokok dan bunga.**



ng hidup subur kesan daripada penggunaan